



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 10 Mei 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>KPWKM Terima Anugerah Di UAE</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/05/kpwkm-terima-anugerah-di-uae/</p>	Edisi 9
2	<p>Kesedaran Mendaftar Harta Intelek Semakin Meningkat</p> <p>https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/05/1098860/kesedaran-mendaftar-harta-intelek-semakin-meningkat?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	Berita Harian
3	<p>'Sudah Dua Kali Wanita Itu 'Buang' Bayi Di Hospital' – JKM</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/964966/sudah-dua-kali-wanita-itu-buang-bayi-di-hospital-jkm</p>	Harian Metro
4	OKU Masih Tunggu Bantuan Kewangan, Satu Lagi Kaki Palsu	

	https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/09/oku-masih-tunggu-bantuan-kewangan-satu-lagi-kaki-palsu	Utusan Borneo
	https://sarawaknews.com/asmah-seorang-oku-sehingga-kini-masih-menunggu-bantuan-kewangan-satu-lagi-kaki-palsu/?amp=1	Sarawak News
5	Kereta Dipandu Budak 6 Tahun Kemalangan https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099179/kereta-dipandu-budak-6-tahun-kemalangan https://www.sinarharian.com.my/article/257733/berita/semasa/budak-enam-tahun-pandu-kereta-sebelum-terbabas-di-langkawi https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965139/budak-lelaki-6-tahun-pandu-kereta-sehingga-kemalangan https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/10/budak-6-tahun-pandu-kereta-hingga-terbabas/	Berita Harian Sinar Harian Harian Metro FMT
6	Lelaki Maut Ditikam Selepas Tegur Saiz Payudara Wanita https://www.sinarharian.com.my/article/257737/berita/semasa/elaki-maut-ditikam-selepas-tegur-saiz-payudara-wanita	Sinar Harian
7	Empat Wanita Warga Asing 'Minta Sedekah' Di Genting Highlands Ditahan Polis Bentong https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/empat-wanita-warga-asing-minta-sedekah-di-genting-highlands-ditahan-polis-bentong/	Utusan
8	Pemandu Wanita Diserang Sawan Langgar 7 Kenderaan, Seorang Pejalan Kaki https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1098969/pemandu-wanita-diserang-sawan-langgar-7-kenderaan-seorang-pejalan-kaki https://www.sinarharian.com.my/article/257634/berita/semasa/wanita-patah-kaki-tujuh-kenderaan-rosak-dirempuh-pemandu-sawan	Berita Harian Sinar Harian
9	Warga Emas Meninggal Dunia Di Ruang Tamu	

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099146/warga-emas-meninggal-dunia-di-ruang-tamu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/257712/berita/semasa/warga-emas-ditemukan-mati-di-ruang-tamu</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>
10	<p>Warga Emas Rugi RM205,990 Diperdaya Pelaburan Tidak Wujud</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-rm205990-diperdaya-pelaburan-tidak-wujud-418780</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kerana-mahu-cepat-kaya-warga-emas-rugi-rm205990/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/warga-emas-rugi-rm205990-diperdaya-pelaburan-tidak-wujud-PN10951718</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/05/09/warga-emas-tak-sempat-kaya-rugi-rm205990/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-jadi-mangsa-scam-rugi-lebih-rm200000/</p> <p>https://www.msn.com/en-my/news/berita/mahu-cepat-kaya-warga-emas-rugi-rm205-990/ar-AA1aWjwE?li=AAAHkOw</p> <p>https://headtopics.com/my/kerana-mahu-cepat-kaya-warga-emas-rugi-rm205-990-38933990</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Buletin TV3</p> <p>MSN</p> <p>Head Topics</p>
11	<p>Tersedak Bau Asap Selamatkan Warga Emas Nyenyak Tidur Daripada Renting</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/09/tersedak-bau-asap-selamatkan-warga-emas-nyenyak-tidur-daripada-rentung/</p>	<p>Kosmo</p>

KPWKM TERIMA ANUGERAH DI UAE

<https://www.edisi9.com.my/2023/05/kpwkm-terima-anugerah-di-uae/>

Sumber : Edisi 9



KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengharumkan nama negara selepas menerima penghargaan Ministerial Award di Sidang Kemuncak Wanita Global 2023 di Dubai, Emirat Arab Bersatu, baru-baru ini.

KPWKM berkata, pencapaian tersebut diraih menerusi pembentangan bertajuk *Women Empowerment: At Least 30 Percent of Women in Decision Making Position* dalam persidangan tersebut.

Katanya, pembentangan itu disampaikan ketua delegasi yang juga Ketua Setiausaha [KPWKM](#), Datuk Dr. Maziah Che Yusoff pada sesi tertutup *Government Women Leadership Forum*.

“Pembentangan itu mendapat pengiktirafan kerana berjaya berkongsi amalan terbaik negara dalam pelbagai usaha berterusan pemeraksanaan wanita sebagai pembuat keputusan di pelbagai sektor.

“Usaha-usaha ini merangkumi penggubalan undang-undang dan dasar serta penyediaan ekosistem untuk menyokong pelaksanaan inisiatif tersebut,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

Anugerah tersebut disampaikan Presiden [Sidang Kemuncak Wanita Global 2023](#), Irene Natividad pada hari kedua persidangan yang diadakan semasa sesi *Global Women’s Leadership Awards Gala Dinner*.

Persidangan bertemakan *Women: Creating a New Climate of Change* itu berlangsung dari 4 hingga 6 Mei lalu di sebuah hotel terkemuka di Dubai.

KPWKM berkata, persidangan itu bertujuan meningkatkan pemeraksanaan ekonomi wanita seluruh dunia, di samping mempamerkan pelbagai inisiatif penglibatan wanita dalam kepimpinan korporat, serta strategi bagi meningkatkan bilangan perusahaan milik wanita.

Katanya, persidangan kali ini berjaya mengumpulkan lebih 950 orang peserta daripada 70 buah negara.

“Antara pengisian utamanya ialah sesi forum pra-persidangan melibatkan ketua-ketua delegasi kerajaan, sesi plenari mengenai kepimpinan wanita dalam perubahan iklim ekonomi, forum perbincangan bersama ketua-ketua pegawai eksekutif lelaki dan wanita serta usahawan wanita.

“Selain itu turut diadakan perbincangan strategi mengenai perniagaan, sesi pembinaan kompetensi dalam pembangunan kepimpinan dan keusahawanan serta perkongsian tips kreatif daripada usahawan-usahawan wanita yang telah menempa kejayaan dalam ekonomi global,” katanya. – Edisi 9

KESEDARAN MENDAFTAR HARTA INTELEK SEMAKIN MENINGKAT

https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/05/1098860/kesedaran-mendaftar-harta-intelek-semakin-meningkat?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Hraian



KUALA LUMPUR: Kesedaran usahawan termasuk wanita serta industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai kepentingan harta intelek (IP) semakin meningkat.

Mengikuti laporan sebanyak 46,812 IP didaftarkan pada 2021. IP adalah permulaan perniagaan berpacu inovasi yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan negara selepas berjaya dikomersialkan.

Ia sama ada dalam bentuk paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian, rahsia dagangan dan pelbagai lain penting dalam memastikan keunikan produk dan isu cetak rompak atau pelanggaran hak daripada pesaing.

Pegawai Penyelidik Kanan, Seksyen Promosi dan Pemasaran Inovasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Asrizam Esam, berkata perniagaan berpacu IP kini menjadi agenda utama supaya manfaat inovasi dapat dinikmati masyarakat dan negara.

Namun katanya, ia memerlukan ekosistem inovasi mantap bagi memacu hala tuju inovasi yang tepat dan berkesan bukan hanya di peringkat tempatan sahaja.

"Pembentukan ekosistem inovasi mapan yang ditunjangi oleh kerajaan, universiti atau agensi penyelidikan serta pemain industri perlu menjadi obligasi bagi memacu IP sebagai asas perniagaan yang dapat memberi impak tinggi kepada usahawan dan negara," katanya.

Malaysia juga boleh mencontohi Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) yang kini giat menjalankan pelbagai program bimbingan IP di seluruh dunia untuk membantu perniagaan yang diterajui usahawan wanita dalam melindungi dan memanfaatkan aset IP.

"Tujuan utama WIPO untuk memastikan pertumbuhan perniagaan wanita lebih baik dengan peluang pasaran lebih tinggi dan bersifat global," katanya.

Bagaimanapun, ketika ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) giat membangunkan pelbagai kemahiran membabitkan seramai 16,950 wanita melalui kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi yang strategik.



Asrizam Esam.

Bantuan wanita dalam bidang keusahawanan

Katanya, inisiatif lain seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui dana Malaysia Social Innovation bagi membangunkan inovasi tempatan dari akar umbi, komuniti dan usahawan B40 juga sebagai usaha berterusan yang dapat membantu memulakan langkah awal usahawan wanita Malaysia.

"Malah tahun ini, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menyediakan peruntukkan bernilai RM2 juta untuk Dana Pemfailan IP.

"Oleh itu, usahawan wanita, perlu mengambil peluang ini berusaha mengembangkan idea perniagaan mereka," katanya.

Asrizam berkata, ketika ini ramai usahawan berjaya dalam perniagaan berteraskan IP dan dilihat tidak jauh ketinggalan.

Sebagai contoh kejayaan Prof Emeritus Datuk Dr Asma Ismail, penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang mempelopori pengkomersialan diagnostik pantas penyakit demam kepialu dipatenkan di lebih daripada 20 negara.

Penyelidik UPM, Prof Dr Lai Oi Ming, yang juga pengasas syarikat pemula Lipidware yang berjaya mengkomersialkan paten krim pelembap penghidap ekzema turut digunakan di China ketika pandemik COVID -19.

"Malaysia patut berbangga dengan usahawan wanita seperti Tan Hooi Ling, pengasas bersama aplikasi Grab yang menyediakan perkhidmatan e-hailing merentas Asia Tenggara.

"Begitu juga Pazdilah Enda Sulaiman usahawan telekung inovasi Siti Khadijah harus dijadikan ikon dan tokoh usahawan wanita yang menjadikan IP sebahagian episod kejayaan empayar mereka," katanya.

Mengulas mengenai Hari Harta Intelek Sedunia disambut 26 April setiap tahun anjuran WIPO dengan tema Wanita dan IP, ia seiring dengan perkembangan aspirasi negara dalam mempertingkatkan inovasi dan kreativiti.

Ia juga bagi meraikan pencipta wanita, usahawan dan profesional IP di seluruh dunia yang miliki pencapaian hebat.

Tema Wanita dan IP seiring dengan konsep Malaysia Madani yang menjadikan usahawan wanita lebih berkeyakinan dan meningkatkan kesejahteraan dari segi kekuatan ekonomi dengan menggunakan daya cipta baharu bagi memastikan kemampanan kelangsungan hidup yang semakin mencabar.

"Melihat senario ini, sambutan berkenaan amat bertepatan dengan pembudayaan keusahawanan inovasi yang lestari untuk memenuhi kehendak semasa memastikan kesejahteraan hidup dan ekonomi dunia," katanya

'SUDAH DUA KALI WANITA ITU 'BUANG' BAYI DI HOSPITAL' – JKM

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/964966/sudah-dua-kali-wanita-itu-buang-bayi-di-hospital-jkm>

Sumber : Harian Metro



Johor Bahru: Belum genap setahun, seorang wanita berusia 27 tahun tergamak mengulangi perbuatan keji dengan 'membuang' bayi dilahirkannya di hospital di bandar raya ini.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor Bahru, Adnan Md Yassin berkata, tanpa berfikir panjang, wanita warga tempatan itu menghilangkan diri selepas meninggalkan bayi lelaknya.

Beliau berkata, bayi lelaki itu dinamakan sebagai Dharwin dilahirkan pada 17 Mac lalu di Hospital Sultanah Aminah (HSA).

Menurutnya, mengikut maklumat, wanita berkenaan bertindak meninggalkan bayi itu di wad A4 hospital terbabit.

"Wanita itu pernah melakukan perbuatan sama apabila meninggalkan bayi lelaki yang dinamakan sebagai Damian di hospital selepas dilahirkan pada pertengahan tahun lalu.

"Akibat perbuatannya, masa depan Damian menjadi tanda tanya dan kini adiknya ditimpa nasib sama.

"Ibu mereka gagal tampil membincangkan masa depan kedua-duanya sehingga kini," katanya.

Adnan berkata, Dharwin kini di bawah jagaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sehingga JKM mengurus permohonan sijil kelahiran manakala Damian berada di bawah jagaan JKM selama tiga bulan dan kini di bawah jagaan orang layak serta sesuai.

Menurutnya, pihaknya berharap wanita berkenaan dikenali sebagai M Yugesshini yang berasal dari Negeri Sembilan atau warisnya tampil membincangkan masa depan dua-dua bayi berkenaan.

"Perbuatan wanita itu menimbulkan kesulitan bagi permohonan sijil kelahiran selain dikhuatiri boleh menjejaskan masa depan dua beradik itu.

"Orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan ibu kandung atau waris bayi itu diminta menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Zaid Ikhwan Lim di talian 07-2232606, 07-2232607 atau 0111-7535394," katanya ketika dihubungi hari ini.

OKU MASIH TUNGGU BANTUAN KEWANGAN, SATU LAGI KAKI PALSU

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/09/oku-masih-tunggu-bantuan-kewangan-satu-lagi-kaki-palsu>

Sumber : Utusan Borneo



KUCHING: Orang kurang upaya (OKU), Asmah Roseli, 43, dari Kampung Panglima Seman masih menunggu bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan satu lagi kaki palsu.

Perkara itu dimaklukkannya kepada salah seorang petugas sosial daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turut menghulurkan bantuan berupa makanan asas.

Asmah sebelum ini pernah bekerja sebagai tukang masak, terpaksa dipotong kaki pertamanya pada 2019 kerana kencing manis.

Dia kemudiannya telah menerima kaki palsu dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Bagaimanapun pada tahun lepas, selepas kaki keduanya dipotong, dia berhenti bekerja.

Tambahan pula, Asmah mempunyai penyakit jantung yang merumitkan kesihatan keseluruhannya.

Buat masa ini, Asmah tinggal bersamanya adik beradik dan bapa saudaranya yang sudah tua yang juga mempunyai kecacatan fizikal.

Anak perempuan Asmah yang sudah berkahwin kadangkala melawat dan membantu namun terhad kerana telah mempunyai keluarga sendiri.

KERETA DIPANDU BUDAK 6 TAHUN KEMALANGAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099179/kereta-dipandu-budak-6-tahun-kemalangan>

Sumber : Berita Harian



LANGKAWI: Seorang kanak-kanak berusia enam tahun dikesan memandu kereta Toyota Vios milik keluarganya sehingga terbabit kemalangan di Jalan Bukit Tangga di sini, malam tadi.

Kanak-kanak terbabit dikatakan memandu sejauh 2.5 kilometer dari rumah bersama adiknya berusia tiga tahun untuk ke kedai, membeli mainan.

Video kemalangan terbabit tular tengah malam tadi, orang ramai terkejut apabila mengetahui kenderaan terbabit dipandu kanak-kanak berkenaan tanpa pengetahuan ibu bapanya.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashari, mengesahkan kejadian dalam video tular itu berlaku di Jalan Bukit Tangga, Simpang Kenyum, berhampiran Kampung Titi Chanwang jam 11.15 malam.

Beliau berkata, dalam kejadian itu kereta terbabit dilaporkan dipandu seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun manakala adik lelakinya berusia tiga tahun menjadi penumpang.

"Kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta dari arah Kampung Ulu Melaka menghala ke Kampung Nyiur Chabang telah terbabas dan melanggar tiang lampu berhampiran Kampung Titi Chanwang.

"Susulan itu, pemandu kereta laka di dahi manakala penumpang tidak cedera," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Shariman berkata, kereta terbabit dipercayai dipandu kanak-kanak terbabit dari kediaman mereka di Kampung Padang Mengkuang, Mukim Ulu Melaka sejauh 2.5 kilometer tanpa pengetahuan ibu bapa.

"Kes disiasat bawah Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

LELAKI MAUT DITIKAM SELEPAS TEGUR SAIZ PAYUDARA WANITA

<https://www.sinarharian.com.my/article/257737/berita/semasa/lelaki-maut-ditikam-selepas-tegur-saiz-payudara-wanita>

Sumber : Sinar Harian



MELAKA - Gara-gara pertengkaran mulut kerana menegur payudara seorang wanita, dipercayai jadi punca seorang pengurus syarikat maut ditikam di sebuah gerai makan di Taman Kenanga, Tenggera, di sini, pada awal pagi Selasa.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, dalam kejadian yang berlaku jam 4 pagi itu, mangsa berusia 35 tahun datang ke gerai makan tersebut bersama rakan-rakannya dalam keadaan mabuk kira-kira jam 2 pagi.

Menurutnya, selesai makan, mangsa kemudian telah bercakap dengan rakan-rakannya yang menegur saiz payudara seorang wanita yang juga pelanggan di gerai itu.

Katanya, perbualan mangsa dengan rakannya itu telah didengari oleh pengawal peribadi kepada wanita berusia 26 tahun itu, lalu menegur mangsa dan memberitahu bahawa wanita terbabit merupakan majikannya.

"Kemudian berlaku pertengkaran mulut antara mangsa dengan teman lelaki kepada wanita tersebut serta pengawal peribadinya.

"Pertengkaran menjadi tegang dan berlaku pergaduhan tolak-menolak hingga tumbuk menumbuk antara mereka bertiga, sebelum mangsa ditemui tidak sedarkan diri," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada Rabu.

Jelas beliau, pasukan polis telah bergegas ke lokasi selepas menerima laporan oleh orang awam pada jam 4.15 pagi dan mendapati mangsa berada dalam keadaan tidak sedarkan diri serta mengalami kecederaan.

Menurutnya, mangsa dibawa ke Hospital Melaka oleh dua rakannya dengan menggunakan kenderaan Ford Ranger bagaimanapun disahkan telah meninggal dunia.

"Hasil bedah siasat yang dilakukan mendapati punca kematian adalah luka tikaman di jantung," katanya lagi.

Tambah beliau, berikutan itu tujuh suspek berusia antara 25 sehingga 38 tahun ditahan bagi menjalankan siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

"Dipercayai mangsa mati akibat ditikam oleh pengawal peribadi itu dan polis turut merampas pisau serta batang besi yang digunakan dalam pergaduhan terbabit," ujarnya.

EMPAT WANITA WARGA ASING 'MINTA SEDEKAH' DI GENTING HIGHLANDS DITAHAN POLIS BENTONG

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/empat-wanita-warga-asing-minta-sedekah-di-genting-highlands-ditahan-polis-bentong/>

Sumber : Utusan



BENTONG: Polis daerah ini menggagalkan kegiatan meminta wang atau mengutip sedekah serta mengganggu ketenteraman orang awam apabila menahan empat wanita warga asing berusia 30 hingga 34 tahun di Genting Highlands di sini.

Penahanan empat wanita terbabit berikutan penularan video berdurasi 23 saat oleh pemilik akaun Facebook “Penang Kia, Penang Kia” semalam.

Ketua Polis daerah, Superintenden Zaiham Mohd. Kahar berkata, polis mendapati aktiviti mengutip sedekah oleh empat wanita berkenaan berlaku di kawasan peranginan tanah tinggi itu sejak 5 Mei lalu.

“Cara memperoleh wang orang ramai dilakukan mereka dengan kaedah memujuk dan merayu orang ramai di kawasan Hotel First World dan Genting Malaysia Berhad,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Zaiham, Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong akan menyiasat kes tersebut di bawah Seksyen 27(c) akta Kesalahan Kecil 1955 (Peminta-peminta sedekah).

“Sesiapa yang meminta sedekah di tempat awam dan boleh mencari pekerjaan sah untuk hidup, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100 atau penjara sehingga satu bulan atau kedua-keduanya,” katanya.

Ujarnya, orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi memandangkan kes ini dalam siasatan pihak polis. – UTUSAN

PEMANDU WANITA DISERANG SAWAN LANGGAR 7 KENDERAAN, SEORANG PEJALAN KAKI

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1098969/pemandu-wanita-diserang-sawan-langgar-7-kenderaan-seorang-pejalan-kaki>

Sumber : Berita Harian



PONTIAN: Pemandu wanita yang diserang sawan melanggar 7 kenderaan dan seorang pejalan kaki di Jalan Permata 4, Pekan Nanas, di sini, pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohammad Shofee Tayib, berkata dalam kejadian kira-kira jam 7.10 pagi, tujuh kenderaan iaitu lima motosikal dan dua kereta yang diletakkan di tepi jalan di lokasi berkenaan mengalami kerosakan.

Katanya, pejalan kaki wanita yang dilanggar cedera di leher manakala wanita yang melanggar tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Hasil siasatan awal, pemandu wanita berusia 25 tahun memandu Toyota Vios diserang sawan ketika sedang memandu dari arah Pekan Nanas ke Johor Bahru dan dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, " katanya.

Mohammad Shofee berkata, pejalan kaki wanita mengalami kecederaan dileher dan dibawa ke Hospital Pontian untuk rawatan.

"Keadaan jalan lurus dan lokasi kejadian berdekatan rumah kedai. Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

WARGA EMAS MENINGGAL DUNIA DI RUANG TAMU

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099146/warga-emas-meninggal-dunia-di-ruang-tamu>

Sumber : Berita Harian



JOHOR BAHRU: Seorang warga emas berusia 69 tahun ditemui meninggal dunia dalam sebuah rumah di Jalan Murni 7, Taman Suria di sini, hari ini.

Mayat lelaki itu ditemui di atas kerusi dalam ruang tamu rumah, selepas pihak bomba berjaya membuka pintu rumah berkenaan yang berkunci.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, Pegawai Bomba Kanan II Hussin Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai terdapat mangsa yang dalam rumah terperangkap melalui talian MERS999 pada jam 5.11 petang.

"Pasukan Keluaran Operasi memotong jeriji. Lelaki itu disahkan meninggal dunia oleh petugas Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya, hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat ketika dihubungi mengesahkan penemuan mayat lelaki berkenaan.

WARGA EMAS RUGI RM205,990 DIPERDAYA PELABURAN TIDAK WUJUD

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-rm205990-diperdaya-pelaburan-tidak-wujud-418780>

Sumber : Astro Awani



KUANTAN: Seorang warga emas berputih mata selepas terpedaya dengan skim pelaburan tidak wujud yang mengakitkannya kerugian sebanyak RM205,990.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata dengan menggunakan wang simpanan peninggalan mending suaminya, wanita berusia 70 tahun itu telah menyertai satu skim pelaburan yang ditawarkan menerusi laman sosial.

"Mangsa telah membuka akaun permulaan sebanyak RM2,000 mulai 17 April lepas. Setakat 21 April sebanyak 11 transaksi telah dibuat ke akaun yang berbeza, namun wanita itu menyedari telah diperdaya setelah tidak dapat mengeluarkan wang hasil pelaburan itu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata wanita itu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

Ramli sehubungan itu, menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terpengaruh dengan skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan lumayan dan membuat semakan nombor akaun dan telefon yang diterima menerusi laman web semakmule.rmp.gov.my.

TERSEDAK BAU ASAP SELAMATKAN WARGA EMAS NYENYAK TIDUR DARIPADA RENTING

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/09/tersedak-bau-asap-selamatkan-warga-emas-nyenyak-tidur-daripada-rentung/>

Sumber : Kosmo



BERA – Seorang warga emas yang sedang nyenyak tidur ketika rumahnya terbakar bernasib baik apabila terselamat selepas tersedak akibat terhidu asap kebakaran rumahnya di Taman Kerayong Makmur di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 tengah hari itu menyaksikan rumah teres berkenaan musnah seratus peratus akibat kebakaran dipercayai bermula daripada bahagian dapur.

Kejadian berkenaan tidak menyebabkan kemalangan jiwa tetapi menyaksikan enam sekeluarga yang mendiami rumah berkenaan kini tinggal sehelai sepinggang.

Cheong Ah Soon, 62, berkata, semasa kejadian dia sedang tidur seorang diri di dalam bilik dan isterinya keluar rumah mengambil anak dan cucunya yang bersekolah manakala seorang anak lelakinya keluar bekerja.

“Semasa kejadian (semalam), saya tidur di bilik sebab kebetulan cuti dan tiba-tiba saya rasa sesak nafas serta tersedak sebab terhidu bau asap.

“Saya segera bangun dan terdengar bunyi letupan kecil berulang-ulang, sedar-sedar saya tengok ada api di bahagian dapur,” katanya di sini hari ini.

Tambahnya, api marak terlalu cepat menyebabkan dia tidak sempat menyelamatkan barang-barang termasuklah barangan berharga dan keluarganya hanya tinggal sehelai sepinggang.

Menurut Ah Soon, rumah miliknya yang didiami sejak 18 tahun itu kini musnah sepenuhnya dan mereka menumpang sementara di rumah saudara mara berhampiran.

Sementara itu, jiran mangsa, Razi Dollah, 52 berkata, bau asap yang terlalu kuat menyebabkan dia keluar rumah untuk meninjau keadaan sekitar.

“Saya ingat orang bakar sampah, rupanya rumah jiran depan rumah saya terbakar dan saya nampak dia (mangsa) mundar-mandir keluar masuk rumah.

“Saya ajak dia keluar dari rumah itu kerana bimbang api merebak cepat dan mujur bomba datang awal, kalau tak mungkin api merebak ke rumah sebelah pula,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE